



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

OLEH:

YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SEMPENA:

MAJLIS APRESIASI DAN MAKAN MALAM
LIGA SUKAN UNITI TAHUN 2023
PERINGKAT KEBANGSAAN

TARIKH:

17 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)

MASA:

8.30 MALAM

TEMPAT:

PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
(PICC)

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

SALUTASI

**Disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita panjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah izin-Nya jua kita dapat bersama-sama pada malam ini dalam **Majlis Apresiasi dan Makan Malam Kejohanan Liga Sukan UNITI Peringkat Kebangsaan Tahun 2023** yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan dengan kerjasama pihak **Modachi Sdn. Bhd.** dan Kementerian Belia dan Sukan.
2. Saya juga turut mengalu-alukan kehadiran semua warga Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, persatuan-persatuan sukan, rakan-rakan strategik penaja kejohanan serta yang diraikan barisan kontinjen negeri kejohanan Liga Sukan UNITI Peringkat Kebangsaan 2023.
3. Turut hadir pada malam ini juga adalah Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) serta bekas atlet-atlet kebangsaan yang telah mengharumkan nama negara kita di pentas antarabangsa sebagai simbolik mewakili empat sukan yang dipertandingkan di dalam LigaSukan UNITI pada tahun ini.
 - a) **Bola Sepak**
 - YBhg. Dato' Zainal Abidin Hassan
 - YBhg. Datuk K.Rajagobal A/L R Krishnasamy
 - b) **Bola Jaring**
 - Puan Rosmani @Rosnani binti Ismail @ Kadir
 - Puan Nor Aidah binti Aiffin

c) Badminton

- YBhg. Dato' Rashid bin Dato' Hj. Sidek
- Puan Goh Liu Ying

d) Bola Keranjang

- Encik Ng Swee Fong
- Encik Cheng Shee Mun

4. Terima kasih kepada semua kerana sudi hadir bersama-sama kami dalam majlis pada malam ini.
5. Kejohanan ini merupakan kejohanan edisi kedua seperti mana yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2022. Kami di Kementerian Perpaduan Negara sangat terharu dan kagum melihat sokongan yang begitu meluas dari pelbagai lapisan masyarakat. Melalui sokongan dan sambutan tersebut, juga merupakan satu kejayaan yang sangat besar dan bermakna. Maka dengan itu, Kementerian Perpaduan Negara lebih bersemangat untuk menganjurkan Liga Sukan UNITI bagi edisi tahun 2023.
6. Saya difahamkan, yang hadir pada malam ini merupakan pasukan-pasukan yang bergelar juara bagi pertandingan futsal, bola jaring, bola keranjang dan badminton yang mewakili setiap negeri. Tahniah saya ucapkan kepada semua pasukan yang berjaya mengharungi kejohanan di peringkat negeri dan akhirnya membawa anda semua ke peringkat akhir.
7. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Sekretariat Liga Sukan UNITI, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri serta persatuan-persatuan sukan negeri atas penganjuran Pertandingan Liga Sukan UNITI Peringkat Negeri yang telah dijalankan bermula bulan September hingga Oktober 2023.
8. Syabas dan tahniah kepada pasukan Sekretariat Liga Sukan UNITI atas kejayaan penganjuran pada edisi kali ini.

SUKAN MEMUPUK PERPADUAN

Hadirin yang saya kasihi,

9. Sebagai menyokong Aspirasi Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara yang bertanggungjawab dalam memperkukuhkan agenda perpaduan nasional, telah mengambil inisiatif menterjemahkan konsep Malaysia MADANI melalui pembangunan **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** yang merupakan inisiatif berfokus dalam meraikan kepelbagaian di negara ini.
10. Pelbagai program dirancang dan dilaksanakan dalam meningkatkan lagi interaksi sosial bagi memastikan kelestarian keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Usaha-usaha penghayatan perpaduan ini dilaksanakan di segenap peringkat supaya detik-detik perpaduan atau "*moments of unity*" seperti ini dapat dizahirkan, dihayati dan dirasakan oleh semua.
11. Apabila bercakap tentang sukan, banyak perkara yang boleh kita kaitkan dalam kehidupan seharian. Bersukan bukan sahaja untuk sihat, tetapi juga mengajar kita tentang disiplin, semangat berpasukan, strategi, membuat keputusan, dan sebagainya. Malah, sukan juga mampu menyemarakkan semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan masyarakat.
12. Lihat sahaja ketika ada perlawanan bola sepak atau badminton, lebih-lebih lagi yang di peringkat dunia tanpa mengira kaum dan agama – kita duduk semeja bersama-sama rakan-rakan di stadium mahupun di restoran untuk bersorak menyokong pasukan negara.
13. Hakikatnya, sukan berupaya memberikan auran yang tersendiri, bukan sahaja dalam kalangan yang bertanding, tetapi juga kepada yang menonton.

14. Inilah semangat kesukanan yang mengatasi segalanya. Dengan semangat yang tinggi, persaingan tidak menjadi isu. Semangat inilah yang perlu ada dan bertepatan dengan nilai-nilai MADANI.

PERTANDINGAN LIGA SUKAN UNITI

Hadirin yang saya kasihi,

15. Mengambil kira pendekatan ini, Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menganjurkan pertandingan Liga Sukan UNITI sebagai salah satu program *flagship* dan inisiatif dalam memupuk penghayatan perpaduan.
16. Dengan kejayaan penganjuran pada tahun lalu yang melibatkan sukan futsal dan bola jaring, KPN telah menambah lagi dua (2) jenis sukan pada tahun 2023 dengan menambah sukan badminton dan bola keranjang bagi meluaskan lagi skop penyertaan.
17. Alhamdulillah pada hari ini, sebanyak **15 pasukan terbaik mewakili negeri** bagi pertandingan futsal, bola jaring, badminton dan bola keranjang berjaya dihipunkan dan akan bertanding di peringkat kebangsaan setelah berakhirnya pusingan kelayakan di peringkat negeri yang melibatkan hampir **lima belas (15) ribu** pemain dari seluruh negara.
18. Pertandingan kali ini masih mengguna pakai syarat yang sama pada edisi yang lalu iaitu setiap pasukan wajib disertai oleh ahli-ahli yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua kaum berlainan atau lebih sebagai salah satu keunikan dalam kejohanan ini dalam masa yang sama memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.
19. Saya merasakan syarat penglibatan pelbagai kaum seperti ini wajar diteruskan bukan sahaja kepada aktiviti dan program di bawah Kementerian Perpaduan Negara malah ia juga boleh diperluaskan dalam

aktiviti dan program-program yang dianjurkan oleh Kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan lain sebagai menyokong usaha menyatupadukan rakyat berbilang bangsa.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

20. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mewakili KPN juga ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan penganjur bersama iaitu **Modachi Sdn. Bhd.** atas sokongannya yang diberikan dalam menjayakan pertandingan ini.
21. Terima kasih juga kepada pihak pengurusan Kementerian Perpaduan Negara dan Agensi-agensi atas sumbangan dan sokongan yang telah diberikan secara langsung atau tidak langsung dalam membantu KPN menyemarakkan lagi usaha-usaha penghayatan perpaduan dalam kalangan masyarakat.
22. Tidak lupa juga penghargaan saya kepada rakan-rakan strategik **Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM), Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA), Persatuan Badminton Malaysia (BAM)** serta rakan-rakan penaja **Felet, Joma, Molten, Ekspres Darul Naim, White & Black Restaurants, Ariz Retail Sdn. Bhd dan Golden Dreams Sdn. Bhd.** di atas segala bantuan dan sumbangan dalam memastikan Kejohanan Liga Sukan UNITI edisi 2023 ini berjaya direalisasikan.
23. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada semua peserta yang telah menyertai pertandingan ini bermula di peringkat negeri sehingga ke peringkat akhir yang akan diadakan pada hari esok. Selamat maju jaya saya ucapkan buat semua pasukan.

24. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini **merasmikan Majlis Makan Malam Liga Sukan UNITI Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.